

Pertandingan seni arca tawar RM30,000

SC Tam

SANDAKAN: Pertandingan seni arca sempena siapnya projek Sandakan Harbour Square (SHS) sedang berlangsung sehingga 16 April.

Pertandingan anjuran Ireka Development Management Sdn Bhd dan ICSD Ventures Sdn Bhd dengan Majlis Perbandaran Sandakan itu menawarkan hadiah sehingga RM30,000 dan penginapan percuma di hotel.

Idea yang dipilih sebagai pemenang akan “dihidupkan” dalam bentuk arca ikonik sebenar untuk diletakkan di SHS.

Ketua Pegawai Eksekutif Ireka Development Management, Lai Voon Hon berkata, pertandingan itu bertujuan menunjukkan rasa bangga mereka terhadap destinasi eko pelancongan Malaysia – Sandakan.

“Kita mahu warganegara kita merekabentuk sesuatu menggambarkan keunikan daerah ini yang boleh kita banggakan bersama,” katanya.

Presiden Majlis Perbandaran, Datuk James Wong berkata, inisiatif Ireka itu sudah tentu akan dapat meningkatkan lagi status daerah itu sebagai sebuah bandaraya semula jadi.

Katanya, mereka juga teruja dengan pembukaan Harbour Mall Sandakan dan Four Points oleh Sheraton Sandakan pada Mei.

Sementara itu semua penyertaan berserta lakaran dan rationale rekabentuk boleh dikemukakan secara dalam talian, melalui pos atau dengan tangan.

Keterangan lanjut boleh diperoleh di www.harbourmall-sandakan.com.my.